

Jika Barisan Nasional memerintah Sabah

KM digilirkan — PM

UJ - 2 FEB 1994

Oleh
MOHD. NOOR SAMAD

KOTA KINABALU 1 Feb. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan hari ini bahawa jawatan Ketua Menteri Sabah akan disandang secara bergilir selama dua tahun oleh tiga kaum terbesar di negeri itu jika Barisan Nasional (BN) memerintah.

Tiga kaum terbesar ialah bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan orang Cina.

Dr. Mahathir berkata, langkah tersebut adalah untuk membolehkan semua kaum memainkan peranan dan mempunyai peluang untuk memimpin kerajaan BN di Sabah.

Beliau membuat pengumuman itu dalam sidang akhbar pada akhir lawatan dua hari ke Sabah di sini hari ini.

Turut menghadiri sidang akhbar itu ialah Pengerusi BN Sabah yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Tan Sri Sakaran Dandai; Presiden AKAR, Datuk Mark Koding; Presiden LDP, Chong Kah Kiat dan Timbalan Pengerusi MCA Sabah, Chong Jock Chin.

"Saya ingin mengumumkan

kepada semua pihak bahawa kerajaan BN yang akan ditubuh ini akan diketuai secara bergilir-gilir oleh Ketua Menteri daripada tiga kaum yang terbesar di Sabah.

"Mungkin kita aturkan dua tahun sekali, kita tukar Ketua Menterinya," kata Perdana Menteri.

Menurut beliau, ini kali pertama BN memberi pengakuan iaitu orang Cina akan dapat menjadi Ketua Menteri.

Beliau berkata, seperti juga keadaan di Pulau Pinang, janji yang dibuat ini akan tetap ditunaikan.

Dr. Mahathir menjelaskan, Ketua Menteri Pulau Pinang adalah dari Parti Gerakan walaupun jumlah ahli Dewan Undangan Negeri dari parti berkenaan kurang dari bilangan ahli Dewan Undangan Negeri UMNO.

Menjawab satu soalan, beliau berkata, soal jawatan Ketua Menteri itu tidak melibatkan perlembagaan kerana ia merupakan soal parti.

Perdana Menteri berkata, dalam lawatannya yang singkat itu dapat merasakan ada satu perasaan dan keinginan mahukan

■ Lihat muka 2

Ketua Menteri digilirkan — PM

UM - 2 FEB 1994

perubahan di kalangan rakyat.

Beliau berkata, tema manifesto BN dalam pilihanraya ini ialah menjadikan Sabah sebuah negeri yang baru dan gergasi yang kaya di Malaysia.

Perdana Menteri yakin matlamat Sabah Baru itu yang terkandung dalam manifesto BN boleh dicapai.

Oleh sebab itu, katanya, BN benar-benar berhajat untuk membentuk Sabah Baru ke arah

menjadikan Sabah sebuah negeri maju sama seperti negeri-negeri lain.

Menurut beliau, Sabah mempunyai potensi untuk mencapai tahap kemajuan pembangunan itu.

Beliau berkata, BN mempunyai pelbagai rancangan, peruntukan dan program untuk membangunkan Sabah, sekiranya ia kembali memerintah.

Bagaimanapun, katanya, pada masa ini sukar

bagi BN untuk mengambil langkah sedemikian, memandangkan tiada kerjasama dengan Kerajaan Parti Bersatu Sabah (PBS).

Katanya, PBS yang bertindak keluar dari BN semasa pilihanraya umum 1990 sukar dipercayai lagi dan sukar dibantu.